

19 DEC 1996

Microsoft

MICROSOFT YAKIN MALAYSIA AKAN BERJAYA DENGAN KORIDOR MULTIMEDIA

Oleh: Salmy Hashim

REDMOND, Washington, 19 Dis (Bernama) -- Syarikat gergasi pengeluar perisian komputer, Microsoft, optimistik dengan Koridor Super Multimedia (MSC) dan yakin Malaysia mempunyai bakat-bakat dan kepakaran membawa negara masuk ke dalam era maklumat.

Naib Presiden Microsoft bagi rantau Antara Benua, Orlando Ayala, berkata dalam satu temuramah di sini baru-baru ini, "Kami sungguh tertarik dengan MSC. Wawasan Perdana Menteri seiring dengan wawasan kami. Inilah yang kami, sebagai sebuah syarika, ingin ketengahkan."

Ayala berkata apa yang membezakan inisiatif Malaysia ini dengan negara-negara lain ialah "komitmennya yang tinggi. Kami tidak banyak nampak komitmen seperti ini di bahagian-bahagian lain di dunia".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah pemangkin dibelakang MSC, yang akan menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan bagi industri-industri yang berasaskan maklumat. Beliau juga berhasrat MSC menjadi "pangkalan ujian global" bagi peranan-peranan baru kerajaan dan undang-undang saiber.

Ayala juga mengulangi minat Microsoft dalam projek mega itu dan "ini telah disahkan oleh komitmen pengerusi kami Bill Gates untuk menjadi anggota cergas dalam Panel Antarabangsa MSC."

"Ini bukan lagi menjadi isu," kata Ayala mengenai komitmen Microsoft terhadap Malaysia dan MSC sambil menjelaskan bahawa Gates telah bersetuju untuk menghadiri sekurang-kurangnya dua sesi mesyuarat panel itu dalam beberapa tahun ini.

Dr. Mahathir dijadualkan berbincang buat pertama kalinya dengan anggota-anggota panel itu terdiri dari 10 pemimpin IT, di San Francisco pada pertengahan bulan Januari ini, dan Gates, yang pada masa ini merupakan orang yang terkaya di Amerika, telah mengesahkan penyertaannya.

Awal tahun ini Dr. Mahathir telah meluangkan masa beliau pada percutiannya di Kanada untuk bertemu dengan Gates di ibupejabat Microsoft. Pertemuan itu dipercayai menjadi titik tolak membuat syarikat gergasi itu mengubah keputusannya untuk menukarkan ibupejabat serantaunya dari Singapura ke Kuala Lumpur.

Pejabat serantau ini mengendali perniagaan syarikat itu di Asia Tenggara merangkumi Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam,

Ayala berkata pertemuan antara Dr. Mahathir dan Gates itu memiankan peranan penting dalam keputusan Microsoft mengubah ibupejabat serantaunya dari Sydney ke Kuala Lumpur.

Apa yang lebih penting, katanya, ialah lokasi Kuala Lumpur, yang berdekatan dengan negara-negara jirannya membolehkan sumber-dimobilisasikan dalam masa kurang dari dua jam, dan "wawasan negara ini".

Ayala berkata syarikat itu mencatatkan pendapatan total sebanyak AS\$8,600 juta dari seluruh dunia, dan pendapatan dari Asia (termasuk Jepun) berjumlah AS\$1,300 juta.

"Jumlah pendapatan yang signifikan datang dari Asia, Rantau yang paling pantas bertumbuh bagi kami - ini satu gambaran yang baik untuk kami," katanya.

Satu artikel terbaru buletin mingguan komputer, PC Week, melaporkan bagi tahun tahun fiskal terbaru, pendapatan Microsoft di Asia Tenggara naik sekali ganda, menjadikannya rantau terpanas bertumbuh.

"Syarikat ini tidak memperincikan jumlah ini, tetapi Malaysia sahaja,

dari anggaran terbaik, akan mencatatkan jualan berjumlah AS\$20 juta tahun ini," katanya.

Ayala berkata Asia Tenggara mempunyai potensi untuk menjadi pusat teknologi maklumat terutama, tetapi Malaysia dan jiran-jirannya perlu mempertingkatkan usaha menguatkuasakan undang-undang harta intelek bukan sahaja bagi melindungi syarikat-syarikat perisian besar seperti Microsoft, tetapi juga syarikat-syarikat tempatan yang sedang bertumbuh.

"Pertumbuhan baik industri perisian komputer bergantung sepenuhnya dengan keupayaan kerajaan melindungi syarikat-syarikat perisian. Ini paling penting." katanya.

Mengenai usaha-usaha penguatkuasaan Malaysia bagi undang-undang ini, Ayala secara menyeluruh berkata, "ia baik dari segi undang-undang. Dari segi penguatkuasaan, saya fikir belum baik."

Kata beliau, semua insentif-insentif kerajaan bagi mempromotkan MSC seperti "percutian cukai" antara lima hingga 10 tahun atau kebebasan mengambil ekspatriat akan menjadi sia-sia sekiranya kegiatan cetak rompak perisian, masalah "AS\$13,000 juta", tidak diperangi.

Katanya, lebih banyak syarikat-syarikat besar akan berminat untuk melabur di Malaysia dan di rantau ini sekira cetak rompak perisian komputer tidak lagi menjadi masalah.

Menurut buletin PC Week, kegiatan cetak rompak mengambil 85 peratus dari potensi pasaran perisian komputer. -- BERNAMA

SAL WAT